

## Prosedur penghantaran sampel *Procedure for sending samples*

Sampel serangga hendaklah berada dalam keadaan yang baik. Pelanggan digalakkan untuk menghantar lebih daripada satu sampel.

*Sample(s) of insect should be in good condition.  
Sending more than one sample is encouraged.*

Sampel diletakkan di dalam bekas bertutup.

*Sample(s) placed in secured container(s).*

Bawa sampel produk/ bahagian pokok yang diserang oleh serangga perosak, jika boleh.

*Bring along samples of infested product/ plant parts, if possible.*

Rujuk pegawai kami sekiranya memerlukan maklumat lanjut berkaitan prosedur penghantaran sampel yang betul.

*Refer to our officer for further information on the procedure for sending samples.*




Untuk maklumat lanjut, sila hubungi atau kunjungi:  
*For further information, kindly contact or visit:*

Dr. Nada Badruddin  
Ketua Cawangan Entomologi  
Tingkat 3, Bangunan Alam Sekitar (Blok D4)  
Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM),  
52109 Kepong, Selangor

Talian terus/ *Direct line* : +603-6279 7112  
Talian Pejabat/ *Office line* : +603-6279 7111/ 7718  
Faks/ *Fax* : +603-6273 1041  
Emel/ *Email* : nada@frim.gov.my

[www.frim.gov.my](http://www.frim.gov.my)



Kementerian Tenaga dan Sumber Asli  
Ministry of Energy and Natural Resources



Pengecaman serangga &  
serangga perosak  
*Insect & Insect pest identification*



Forest Research Institute Malaysia (FRIM)  
52109 Kepong, Selangor

## Latar belakang cawangan *Branch background*

Cawangan Entomologi mempunyai sejarah penyelidikan serangga sejak zaman penjajahan British. Spesimen serangga telah disimpan di dalam koleksi rujukan di Cawangan ini sejak 1950-an lagi. Terdapat lebih kurang 600 000 spesimen dengan 10 000 spesimen dicamkan ke spesies. Koleksi rujukan ini berfungsi sebagai pusat repositori serangga negara dan pusat rujukan oleh penyelidik di seluruh dunia.

Cawangan Entomologi mempunyai kepakaran dalam biodiversiti dan pemuliharaan serangga; dan serangga perosak hutan. Cawangan ini juga menyediakan perkhidmatan pengecaman dan diagnosis; dan nasihat pengurusan serangga perosak.

*Entomology Branch has a long history in insect-related research, tracing back to the British colonial period. The collection dates back to specimens collected during the 1950s. It houses approximately 600 000 specimens with 10 000 specimens identified to species. The reference collection serves as the nation's insect repository and resource center to researchers worldwide.*

*Entomology Branch has expertise in insect biodiversity and conservation; and forest pest. The Branch also provides identification and diagnosis services; and pest management advice.*

## Senarai Perkhidmatan *List of services*

Perkhidmatan <i>Services</i>	Kadar bayaran <i>Charges</i>	Jangkamasa (Hari bekerja)* <i>Duration (Working days)*</i>
Sampel dihantar ke FRIM untuk pengecaman dan pengesyoran kaedah rawatan. Laporan diperlukan.  <i>Sample(s) sent to FRIM for identification and recommendation of treatment.</i>	RM200/ spesies (tambahan RM100 bagi setiap spesies yang berikutnya)  <i>RM200/ species (RM100 for each additional species)</i>	14 hari/ <i>days</i>
Sampel dihantar ke FRIM. Tiada pengecaman serangga diperlukan. Laporan diperlukan.  <i>Sample(s) sent to FRIM. No insect identification required. Report required.</i>	RM 200/ laporan  <i>RM 200/ report</i>	14 hari/ <i>days</i>
Sampel dihantar ke FRIM. Hanya pengecaman serangga diperlukan. Laporan tidak diperlukan.  <i>Sample(s) sent to FRIM. Only identification required. No report required.</i>	RM100/ spesies (RM80/ spesies jika 10 atau lebih spesies)  <i>RM100/ species (RM80/ species for 10 or more species)</i>	14 hari/ <i>days</i>

\* Jangkamasa dikira bermula daripada hari spesimen lengkap diperolehi.

\* *Duration begins from the day complete insect specimen(s) received.*

## Piagam pelanggan *Client's charter*

Memastikan 100% laporan pembekalan perkhidmatan disiapkan dalam 14 hari bekerja\*\* setelah

- serangga dewasa diperoleh dan pengecaman dilakukan oleh pakar di Cawangan, atau
- dihantar ke pakar luar untuk pengecaman, dengan persetujuan pelanggan.

Memastikan pelanggan dimaklumkan apabila laporan telah siap.

Memastikan pelanggan menerima laporan sama ada diambil di Cawangan atau dihantar melalui pos.

\*\*Dikira bermula daripada hari spesimen lengkap diperolehi.

*To ensure 100% of service report to be completed within 14 working days\*\* after acquiring*

- adult insects and identification by experts in the Branch, or*
- identification by external experts, with client consent.*

*To ensure the clients are notified once the report is completed.*

*To ensure the clients receive the report, either by hand-collection or mailing.*

*\*\*Counted from the day complete insect specimens received.*

